

Pembangunan Pelancongan Lestari di Felda Gugusan Trolak: Satu Analisis

oleh

Dr. Fatimah Hassan¹ & Dr. Fauziah Che Leh²

¹ Bahagian Geografi, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, USM

² Jabatan Geografi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UPSI

e-mel: hfatihmah@usm.my & fauzia@upsi.edu.my

ABSTRAK

Pengertian pembangunan lestari atau mampan yang telah diterimapakai memuatkan tema sejagat yang merangkumi aspek persekitaran (*environment*), masa depan (*futuristic*) dan kesaksamaan (*equity*). Penekanan pembangunan lestari adalah kepada penggunaan sumber yang ada dengan bijak khususnya dalam konteks perancangan, komitmen dan penglibatan pihak pengurusan serta pihak lain yang berkaitan atau berkepentingan. Konsep kelestarian ini mengingatkan bahawa pelbagai elemen untuk pembangunan sama ada bandar, ekonomi, budaya dan sebagainya yang menjamin kesejahteraan semasa harus berterusan tanpa mengabaikan kesejahteraan generasi masa depan walaupun tuntutan dan kerenah pembangunan menjadi semakin dinamik dan luwes. Justeru itu, pembangunan pelancongan lestari yang merupakan sub-tema dalam pembangunan lestari sehingga kini masih lagi menarik perbincangan yang berterusan. Dengan berfokuskan kepada kawasan Felda Gugusan Trolak yang memiliki beberapa produk pelancongan sedia ada seperti Taman Rekreasi Air Panas Sungai Klah dan yang bakal diperkenalkan seperti Dusun Trolak, kertas kerja ini akan mengupas elemen-elemen pelancongan lestari yang bakal direalisasikan dalam kawasan kajian. Antara elemen ini termasuklah keupayaan membantu meningkatkan integriti tempat berdasarkan kelebihan tempat, menjana ekonomi setempat dan memulihara alam sekitar dan kesejahteraan komuniti setempat. Kertas kerja ini turut mencadangkan beberapa langkah bagi merealisasikan pembangunan pelancongan perladangan lestari dalam usaha mempelbagaikan lagi konsep pelancongan negara serta membantu meningkatkan taraf hidup peneroka FELDA, keluarga dan generasi peneroka pada masa depan.

Kata kunci: Pembangunan Lestari, Pelancongan Lestari, Pelancongan Perladangan, TRAP, FELDA

PENDAHULUAN

Konsep lestari atau mampan selalunya dikaitkan dengan kualiti kehidupan yang merangkumi sistem ekonomi, sosial dan persekitaran bagi menjamin kesejahteraan hidup dan persekitaran yang sihat dan produktif. Matlamat ini bukan sahaja untuk keperluan generasi masa kini tetapi juga untuk generasi akan datang. Hal ini menyebabkan istilah ini sentiasa digunapakai seperti pembangunan lestari, komuniti lestari, pertanian lestari, pendidikan lestari dan sebagainya.

Berlandaskan hakikat ini, pembangunan lestari sememangnya tidak dapat dipisahkan dari bidang geografi yang menyepadukan elemen ekonomi, sosial dan alam sekitar dalam pelbagai konteks kajiannya. Pembangunan mampan merupakan satu konsep pembangunan yang menekankan kesepaduan dan keseimbangan antara pembangunan ekonomi dengan keperluan sosial dan alam sekitar bagi memenuhi keperluan semasa tanpa menjejaskan keupayaan memenuhi keperluan pada masa depan. Pelbagai pengertian konsep pembangunan mampan telah wujud dan kesemuanya adalah sesuai untuk situasi dan tujuan yang berbeza. Walaubagaimanapun kesemua pengertian pembangunan lestari yang telah diterimapakai memuatkan tema sejagat yang utama iaitu merangkumi aspek persekitaran (*environment*), masa depan (*futuristic*) dan kesaksamaan (*equity*).

Pembangunan pelancongan lestari yang merupakan sub-tema dalam pembangunan lestari sehingga kini masih lagi menarik perbincangan yang berterusan kerana tuntutan dan kerenah pembangunan pelancongan yang menjadi semakin dinamik dan luwes atau fleksibel. Ianya sentiasa diberi penekanan kerana sektor pelancongan telah menjadi menyumbang utama kepada kemajuan dan pembangunan negara. Dalam Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMKe-9) sebanyak 1.8 billion telah diperuntukkan kepada sektor pelancongan untuk mepakej semula tarikan sedia ada seperti menaik taraf infrastruktur dan menyediakan kemudahan pelancongan serta membangunkan lebih banyak produk dan perkhidmatan pelancongan yang inovatif. Aktiviti pemasaran dan promosi akan dipergiatkan juga bagi menaikkan imej Malaysia dan meningkatkan jumlah pelancong domestik dan antarabangsa (Malaysia, 2006).

Impak globalisasi akibat kecanggihan serta pembangunan teknologi dan sistem komunikasi menyebabkan jurang masa-jarak semakin singkat sementara kekaburan sempadan antara tempat semakin meningkat (Fatimah & Morshidi, 2003). Kesan ini jelas kelihatan pada perubahan profil pelancong dan tujuan pelancong yang semakin mengarah kepada jenis pelancongan berasaskan sumberjaya, berasaskan pertanian dan pelancongan ekologi (yang menekankan pengalaman, penerokaan, pemerhatian dan penyertaan) berbanding sebelum ini yang lebih menjurus kepada aspek pelancongan berasaskan bandar (yang berfokus kepada aktiviti membeli-belah, bersiar-siar dan hiburan) (Fatimah & Nurwati, 2005). Akibat trend semasa, gaya hidup, permintaan dan kerenah yang berubah maka pihak pengurusan destinasi pelancongan perlu peka, menaiktaraf dan menambah nilai terhadap produk dan perkhidmatan pelancongan yang disediakan.

Berasaskan perspektif ini, kertas kerja ini cuba menganalisis dan mengupas elemen-elemen pelancongan lestari yang bakal direalisasikan dalam kawasan Felda Gugusan Trolak yang memiliki beberapa produk pelancongan sedia ada terutamanya Taman Rekreasi Air

Panas Sungai Klah. Kertas kerja ini turut mencadangkan beberapa langkah bagi merealisasikan pembangunan pelancongan perladangan lestari dalam usaha mempelbagaikan lagi konsep pelancongan negara serta membantu meningkatkan taraf hidup peneroka FELDA, keluarga dan generasi peneroka pada masa depan.

PEMBANGUNAN LESTARI

Fokus pembangunan dalam konsep pembangunan lestari menekankan kepada kepentingan peningkatan kualiti yang lebih baik kepada semua entiti muka bumi termasuklah manusia, muka bumi dan kehidupan lain. Justeru itu konsep pembangunan lestari perlu dilihat dalam perspektif yang komprehensif dan bersepadu serta mengimbangkan keperluan dalam semua aspek pertumbuhan ekonomi, sosial dan alam sekitar.

Sehingga kini telah wujud pelbagai takrif mengenai konsep pembangunan mampan ini. Antaranya yang terkenal ialah yang dikemukakan oleh *Our Common Future* iaitu:

“Development that meets the needs of the present generation without compromising the ability of future generations to meet their own needs”

Selain dari itu, ia juga didefinisikan sebagai,

Sustainability is the "long-term, cultural, economic and environmental health and vitality" with emphasis on long-term, "together with the importance of linking our social, financial, and environmental well-being"

<http://www.scn.org/sustainable/susthome.html>

Webster's New International Dictionary. Webster's New International Dictionary mentakrifkan pembangunan lestari sebagai

"Sustain - to cause to continue (as in existence or a certain state, or in force or intensity); to keep up, especially without interruption diminution, flagging, etc.; to prolong."

Webster's New International Dictionary. (Springfield, Mass.: Merriam-Webster Inc., 1986)

Didapati bahawa daripada pelbagai pengertian konsep pembangunan mampan yang wujud, kesemua definisi pasti merangkumi istilah utama iaitu:

- Kehidupan tanpa melampaui sempadan (Living within the limits)
- Memahami persepaduan antara aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar.
- Keadilan dalam pembahagian sumberjaya dan peluang (Equitable distribution of resources and opportunities)

Hal ini menunjukkan bahawa dalam mengejar pembangunan, bersinergi dengan alam sekitar dalam aspek pemeliharaan dan pemuliharaan sumber jaya perlu dipertingkatkan. Dan pada masa yang sama pembahagian dan peluang pembangunan yang diwujudkan perlulah seimbang serta adil untuk semua entiti bumi dan semua aspek yang membawa kepada pertumbuhan pembangunan termasuk kawalan kependudukan, makanan, keselamatan dan sumber tenaga.

Blowers (1993) merumuskan bahawa matlamat pembangunan lestari ialah untuk:

- pemuliharaan sumber - iaitu memastikan agar wujud penggantian sumber atau kepelbagaian sumber, pengurangan penggunaan sumber yang tidak boleh diperbaharui dan perubahan dalam cara penggunaan melalui penggunaan tanah dan sumber secara maksimum dan efektif supaya penawaran sumber semulajadi pada masa sekarang dan akan datang berkesinambungan.
- pembangunan fizikal – iaitu memastikan pandang darat budaya dan pembangunan hasil binaan manusia membawa manfaat dan peluang yang maksimum dan bersinergi dengan alam semulajadi bagi melahirkan keseimbangan, keharmonian dan faedah untuk semua.
- peningkatan kualiti alam sekitar – dengan mengelakkan pembangunan yang akan mengancam atau menjejaskan kualiti kehidupan, mengelakkan pencemaran alam dan melindungi kapasiti dan keupayaan ekosistem.
- kesaksamaan sosial – iaitu memastikan pemerolehan dan kawalan sumber yang lebih wajar bagi mengelakkan pembangunan ekonomi yang akan menambahkan jurang antara golongan kaya dan miskin serta menggalakkan pembangunan yang dapat mengurangkan ketidaksamaan sosial.
- penyertaan politik – iaitu menggalakkan penyertaan komuniti dalam membuat keputusan pembangunan kawasan masing-masing sama ada dalam aspek pembangunan ekonomi mahu pun pembangunan sosial dan alam sekitar.

Oleh itu dapatlah dirumuskan bahawa dalam pembangunan lestari, objektifnya adalah untuk kesejahteraan masyarakat dalam konteks yang bersepadu antara aspek ekonomi (untuk pertumbuhan, kesaksamaan, daya saing dan kecekapan), aspek sosial (untuk penyertaan, kekuasaan, penentuan identiti kebudayaan serta pembentukan dan pembangunan institusi) dan aspek ekologi dan alam sekitar (untuk kepelbagaian serta kemampuan dan keupayaan menampung pembangunan).

PEMBANGUNAN PELANCONGAN LESTARI

Sektor pelancongan telah dikenalpasti sebagai antara sektor yang cepat merangsang pertumbuhan ekonomi dan proses pembangunan sesebuah negara. Antaranya yang telah disenaraikan oleh McKecher (2003) ialah:

- pelancongan berupaya menggunakan pelbagai sumberjaya sedia ada di sesuatu kawasan
- pelancongan memberi peluang ekonomi kepada semua kawasan sama ada di bandar mahu pun di pedalaman
- pelancongan membuka jalan ke arah pengurangan masalah kemiskinan, memberi peluang pekerjaan dan merencanakan pembangunan wilayah
- pelancongan memberi insentif kepada pemeliharaan alam semula jadi dan aset kebudayaan dan warisan.
- pelancongan menekankan kepentingan kebudayaan dan tradisi.

Jelas sekali pelancongan mempunyai potensi dalam konteks pembangunan yang menyeluruh (holistic). Berasaskan pendekatan konsep pembangunan lestari yang dibincangkan di atas, pembangunan pelancongan lestari merujuk kepada sumber jaya pelancongan di sesuatu kawasan yang wajar dipelihara, ditambahnilai dan ditambahbaikkan untuk penggunaan yang berterusan pada masa akan datang selain sentiasa membawa manfaat kepada masyarakat semasa.

World Tourism Organisation (WTO) telah mentakrifkan pembangunan pelancongan lestari sebagai:

“Sustainable development meets the needs of present tourists and host regions while protecting and enhancing opportunities for the future. It is envisaged as leading to management of all resources in such a way that economic, social and aesthetic need can be fulfilled while maintaining cultural integrity, essential ecological processes, biological diversity and life support systems”(Jamieson & Noble, 2000).

Pengertian ini menunjukkan bahawa pelancongan lestari menjurus kepada pembangunan pelancongan yang dapat meminimumkan impak dari perspektif sosial, ekonomi dan alam sekitar. Ia juga menunjukkan bahawa prinsip asas berikut disanjung:

- Memaksimumkan sumber persekitaran sambil mengawal proses ekologi dan memelihara biodiversiti dan khazanah semulajadi
- Menghormati ciri-ciri autentik atau unik komuniti asal, memelihara warisan kebudayaan dan nilai traditional serta menerapkan toleransi dan fahaman antara budaya.
- Memastikan perlaksanaan jangka panjang dalam operasi pelancongan yang memberikan peluang pekerjaan, menghapus kemiskinan dan mengurang ketaksamaan sosial serta meningkatkan perkhidmatan sosial kepada komuniti asal (Jamieson & Noble, 2000).

Pelancongan lestari merupakan jenis pelancongan mengintergrasikan semua sumber jaya yang wujud yang berupaya dibentuk sebagai produk pelancongan menarik. Terdapat empat pembahagian utama sumber jaya yang kerap dikenalpasti iaitu:

- (1) Sumberjaya Semulajadi: pantai, sungai, gunung, tasik, bukit, gua, laut, bakau
- (2) Sumberjaya Warisan: monumen, bangunan, kebudayaan, cara hidup.
- (3) Sumberjaya Pertanian: sawah, dusun, tanaman, ternakan, perikanan
- (4) Sumberjaya Buatan Manusia: taman tema, pentas, stadium

Disebabkan kepentingan pembangunan pelancongan lestari berkedudukan amat kritikal maka petunjuk pembangunan telah dibentuk bagi menentukan halatuju perancangan bagi memudahkan pencapaian matlamat pembangunan pelancongan lestari. Terdapat empat tunjang utama untuk kawasan atau destinasi sebagai penawar (diringkaskan dalam Jadual 1) dan lapan prinsip untuk pengguna atau pelancong yang melawat (diringkaskan dalam Jadual 2) bagi mencapai matlamat tersebut.

Jadual 1: Empat tunjang utama Pelancongan Lestari (Destinasi)

Pespektif	Perincian
1. Kelestarian Ekonomi – keuntungan semasa dan jangka panjang	<ul style="list-style-type: none"> - menggunakan piawaian dan panduan antarabangsa untuk latihan dan pensijilan - mempelbagaikan aktiviti dan produk pelancongan - menyediakan bantuan untuk latihan, pembangunan dan pasaran produk - mempromosi kepekaan terhadap etika dan persekitaran - memberi insentif untuk busines yang menggunakan konsep kelestarian - membina rangkaian hubungan pada semua peringkat perniagaan
2. Kelestarian Ekologi – mengekalkan kepentingan proses ekologi, sumber dan biodiversiti	<ul style="list-style-type: none"> - menentukan kod amalan untuk pelancongan pada semua peringkat - menentukan panduan operasi, penilaian & kawalan impak - merangka polisi dan strategi pembangunan yang seiring dengan konsep. - memastikan rekaan, perancangan, pembangunan dan operasi fasiliti menerap prinsip konsep pembangunan lestari - memastikan pembangunan kawasan sensitif menerap perancangan pengurusan yang bersesuaian - mengawal dan menjalankan kajian ke atas impak sebenar pelancongan - mengenal pasti & mempromosi tingkahlaku pelancong bertanggungjawab.
3. Kelestarian Kebudayaan - menyesuaikan dengan kebudayaan dan nilai komuniti asal serta mengukuhkan identiti setempat	<ul style="list-style-type: none"> - menggalakkan pelancongan dengan bantuan dan input komuniti asal - memastikan program latihan dan pendidikan membantu dan mengawal sumber warisan dan semulajadi - memelihara kepelbagaian budaya - menghormati hak hartanah dan tradisi yang diamalkan - menjaga alam, lokal, budaya masyarakat tempatan dan ilmu tradisional - memberi gambaran yang tepat dan jelas - menggalakkan penggunaan kemahiran tradisional - mendidik pelancong mengenai tingkahlaku yang bertanggungjawab dan diterima.

<p>4. Kelestarian komuniti – menguntungkan masyarakat setempat dan meningkatkan pendapatan</p>	<ul style="list-style-type: none"> -mengekekalkan kawalan tempatan ke atas pembangunan pelancongan -menyediakan pekerjaan berkualiti untuk masyarakat setempat - menggalakkan sumbangan positif dari business kepada masyarakat -memastikan pembahagian yang adil dari keuntungan yang diperolehi -menyediakan insentif kewangan untuk para usahawan tempatan menceburi bidang pelancongan -menambahbaikan kapasiti sumber tenaga kerja tempatan
---	---

Diubahsuai dari McKercher (2003)

Jadual 2: Prinsip Utama Pelancong dalam Pelancongan Lestari

Prinsip	Perincian
1. Penyampaian maklumat	Pelancong belajar dan menambah pengalaman melalui lawatan ke tempat tarikan. Pelancong juga belajar bagaimana untuk melestarikan kawasan yang dilawati di samping komuniti asal memperlihatkan nilai kawasan kepada pelawat
2. Menyokong integriti tempat	Pelancong memberi fokus terhadap ciri tempatan yang ditonjolkan termasuk senibina, makanan, warisan, estetika dan ekologi. Masyarakat tempatan perolehi keuntungan dari nilai positif terhadap tempat
3. Menguntungkan penduduk	Business berasaskan pelancongan mengambil dan melatih pekerja tempatan, membeli produk tempatan dan menggunakan perkhidmatan ditawarkan pihak tempatan.
4. Memelihara sumber	Pelancong lebih berminat terhadap business yang mesra alam seperti mengurangkan pencemaran, mengurangkan penggunaan tenaga, air dan bahan buangan serta lanskap yang semulajadi.
5. Hormati tradisi dan budaya	Pelancong luar belajar dan memerhati etika dan bahasa tempatan. Masyarakat tempatan menghargai dan memenuhi kehendak pelancong
6. Tidak salahguna produk	Pengurusan meletakkan had dan alat pengurusan bagi mengawal tekanan pembangunan. Business berkooperasi bagi mengekalkan habitat semulajadi, tapak warisan, permandangan indah dan kebudayaan tempatan
7. Mengejar kualiti bukan kuantiti	Faktor kejayaan bagi pelancongan tertakluk kepada jangka masa lawatan pelancong, jumlah wang dibelanjakan dan pengalaman berkualiti yang diperolehi dan bukannya terletak pada jumlah pelancong semata-mata
8. Lawatan ulangan	Pelawat yang berpuas hati dan bersemangat akan menyebarkan ilmu dan pengalaman diperolehi kepada ahli keluarga dan rakan-rakan bagi memperolehi pengalaman yang sama. Hal ini akan menjadikan hayat business yang berterusan di sesuatu lokasi pelancongan

Sumber: Jamieson & Noble (2000)

Ternyata pembangunan pelancongan lestari memerlukan perancangan rapi. Selain dari tunjang utama dan prinsip-prinsip yang diterangkan di atas, ia juga amat memerlukan penyertaan pihak swasta dan sokongan pimpinan politik serta ketua masyarakat bagi memastikan penyertaan yang maksimum di kalangan masyarakat setempat. Hal ini adalah penting bagi memastikan petunjuk utama pelancongan lestari dapat dikenal pasti dan diukur. Jadual 3 di bawah meringkaskan 11 petunjuk utama ini yang telah dicetuskan oleh Dymond (1997).

Jadual 3: Petunjuk Utama Pelancongan Lestari

Petunjuk Utama	Perincian Ukuran	Bidang Petunjuk
1. Penjagaan Tapak	Kategori penjagaan tapak yang mengikuti indeks "International Union for the Conservation of Nature and Natural Resources (IUCN)	Ekologi
2. Tekanan	Jumlah pelancong ke lokasi (tahunan & bulanan)	Ekologi
3. Kegunaan intensif	Kegunaan secara intensif pada tempoh tertinggi (jumlah pelawat per hektar)	Ekologi
4. Pengurusan bahan buangan	Peratusan bahan buangan yang dihantar ke tapak pelupusan (Petunjuk tambahan seperti bekalan air boleh juga digunakan)	Ekologi
5. Ekosistem yang kritikal	Jumlah spesies yang unik, lupus dan bakal lupus di kawasan	Ekologi
6. Impak sosial	Nisbah jumlah pelancong dengan penduduk tempatan (semasa tempoh tertinggi dan tempoh selepasnya)	Sosial
7. Kepuasan penduduk tempatan	Tahap kepuasan yang diluahkan oleh penduduk tempatan (menggunkan bancian soal-selidik)	Ekonomi
8. Kawalan pembangunan	Menggunakan prosedur rujukan persekitaran atau kawalan formal terhadap pembangunan pada tapak dan kepadatan.	Perancangan
9. Proses perancangan	Menggunakan pelan perancangan wilayah yang telah dirancang untuk kawasan termasuk perancangan pelancongan	Perancangan
10. Kepuasan pengguna (pelancong)	Tahap kepuasan yang diluahkan oleh pelancong (menggunkan bancian soal-selidik)	Ekonomi
11. Sumbangan kepada ekonomi tempatan	Bahagian sumbangan daripada jumlah keseluruhan ekonomi yang diperolehi dari sektor pelancongan	Ekonomi

Sumber: Dymond (1997)

Penerangan mengenai petunjuk utama kawasan pelancongan, prinsip utama untuk pelancong dan petunjuk ukuran pembangunan pelancongan lestari menjadi asas kerangka teori bagi pembangunan aktiviti pelancongan yang mesra alam sekitar terutama untuk kawasan pembangunan luar bandar. Ia juga menjadi pencetus kepada pembangunan pelancongan tani dan pelancongan perladangan di kawasan luar bandar termasuklah di tanah rancangan FELDA di seluruh Malaysia. Perbincangan seterusnya akan mengupas elemen-elemen pelancongan lestari yang bakal direalisasikan dalam kawasan Felda Gugusan Trolak yang memiliki beberapa produk pelancongan sedia ada terutamanya Taman Rekreasi Air Panas Sungai Klah.

KAWASAN KAJIAN: FELDA GUGUSAN TROLAK

Terdapat empat Skim Tanah Rancangan Felda yang dirangkumi di bawah FELDA Gugusan Trolak. Gugusan ini terletak pada 3.883° latitud dan 101.383° longtitut atau dalam kedudukan kordinat geografi darjah dan minit Latitude : $3^{\circ} 53' 00''$ dan Longitude iaitu di bahagian tengah Semenanjung Malaysia. Perincian untuk setiap tanah rancangan ini adalah seperti dibawah:

- (i) Felda Sungai Klah – Kawasan yang terletak pada kordinat $U359^{\circ}.873''$ $T101^{\circ}.23.620''$ ini meliputi lebih kurang 1,568.58 hektar dan didiami oleh 378 keluarga peneroka. Tanaman utama dalam kawasan ini ialah getah dan kelapa sawit.
- (ii) Felda Trolak Selatan – Meliputi kawasan seluas 2,636.84 hektar pada kordinat $U 03^{\circ} 55.924''$ $T 101^{\circ} 24.212''$. Skim ini dihuni oleh 602 keluarga peneroka. Kebanyakan peneroka di sini mengusahakan tanaman kelapa sawit .
- (iii) Felda Trolak Timur ($U 03^{\circ} 56.408''$ $T 101^{\circ} 25.367''$) – Kawasannya meliputi keluasan 2,542.67 hektar dan didiami seramai 491 keluarga. Tanaman utama yang diusahakan di kawasan ini ialah getah dan kelapa sawit.
- (iv) Felda Trolak Utara yang terletak pada $U 03^{\circ} 56.782''$ $E101^{\circ} 21.190''$) telah diambilalih oleh pengurusan Felda dan bukan oleh peneroka.

Pelbagai sumberjaya kawasan sama ada dalam bentuk sumber semulajadi atau buatan manusia yang terdapat di keempat-empat Skim tanah rancangan ini didapati berpotensi untuk dibangunkan sebagai produk pelancongan lestari bagi kawasan berkenaan.

Hasil kajian oleh Fatimah et.al (2007) mendapati bahawa terdapat lebih kurang 10 elemen sumber jaya kawasan yang berpotensi untuk ditambahbaikkkan menjadi produk pelancongan yang bermulti-konsep seperti untuk pelancongan pendidikan, pelancongan ekologi, pelancongan desa, pelancongan pertanian, pelancongan industri dan sebagainya. Kesemua jenis pelancongan ini adalah memenuhi prinsip dan ciri pelancongan lestari seperti yang telah diterangkan sebelum ini. Secara ringkasnya penemuan oleh Fatimah et.al (2007) diringkaskan dalam jadual 4 di bawah.

Jadual 4: Sumberjaya FELDA Gugusan Trolak

Sumberjaya	Potensi dalam Pelancongan
1. Hutan semulajadi	Sesuai untuk aktiviti pelancongan ekologi, aktiviti meneroka hutan (jungle trekking), kajian alam, memerhati burung, pelancongan pendidikan
2. Bukit-bukau dan lanskap semulajadi	Sesuai untuk aktiviti pelancongan ekologi, aktiviti meneroka hutan (jungle trekking), kajian panorama alam dan pelancongan pendidikan
3. Haiwan liar eksotik	Sesuai untuk pelancongan pendidikan, aktiviti meneroka kehidupan haiwan, memerhati haiwan, kajian alam, pelancongan ekologi.
4. Pelbagaian flora & fauna	Berupaya untuk dijadikan produk pelancongan dalam konteks pelancongan pendidikan, pelancongan kesihatan, pelancongan ekologi, pelancongan perladangan, laman herba, laman bunga, laman paku pakis, aktiviti nurseri, pembangunan dusun, aktiviti perawatan herba dan spa.
5. Tanah tanih, tanah liat dan bahan mineral	Sesuai untuk aktiviti kraftangan, pembuatan pottery, pembuatan sabun, perlombongan batu permata, dan sesuai untuk ternakan ikan air sungai/darat yang doleh dikelompokkan dalam pelancongan desa, pelancongan IKS, pelancongan pendidikan, pelancongan kesihatan.
6. Sungai, air terjun, tasik, tanah wetland, air panas dan air sejuk gunung	Sesuai untuk pelancongan pendidikan, pelancongan ekologi, pelancongan kesihatan, ternakan ikan, aktiviti air, berkanu, akuakultur serta pembangunan resort dan spa
7. Perladangan, jalan dalam ladang dan aktiviti pemprosesan ladang	Sesuai untuk pelancongan pendidikan, pelancongan perladangan, pelancongan industri, aktiviti rentas desa, aktiviti lasak bermotor, ternakan haiwan dan tanaman pisang, herba dan aktiviti berasaskan pokok sawit seperti kraftangan, makanan haiwan,
8. Bangunan pertanian, infrastruktur, rumah peneroka dan senibina persekitaran	Sesuai untuk rumah persinggahan atau homestay, pelancongan pendidikan, pelancongan perladangan, lokasi untuk seminar atau persidangan, lokasi bazaar/ekspo/festival, pelancongan industri
9. Kemahiran dan pengalaman peneroka, aktiviti harian dan sampingan peneroka	Sesuai untuk pelancongan pendidikan, pelancongan ladang, pelancongan industri, dijadikan muzium hidup atau galeri ilmu, jadikan dokumentasi dan bahan penerbitan
10. Penemuan unik & tradisi peneroka, makanan, bahasa, cara hidup, kewujudan idola, ketokohan peneroka	Sesuai untuk pelancongan pendidikan, pelancongan ladang, pelancongan industri, dijadikan muzium hidup atau galeri ilmu, jadikan dokumentasi dan bahan penerbitan

Sumber: Fatimah et.al (2007)

Ternyata wujud pelbagai sumberjaya di dalam kawasan FELDA Gugusan Trolak yang berpotensi dan berupaya dibangunkan sebagai produk pelancongan. Namun perbincangan seterusnya akan menjurus kepada pembangunan Taman Rekreasi Sungai Klah yang telah dibangunkan dan kaitannya dengan pembangunan pelancongan lestari.

TAMAN REKREASI AIR PANAS SUNGAI KLAH (TRAP)

Taman Rekreasi Air Panas Sungai Klah yang terletak dalam Skim Tanah Rancangan Felda Sungai Klah, salah satu tanah rancangan dalam FELDA Gugusan Trolak telah dibuka kepada orang ramai sejak tahun 2003. Taman yang berkeluasan 6.5 hektar itu hanya mengambil masa kira-kira 90 minit dari Kuala Lumpur dan 20 minit dari Plaza Tol Sungkai melalui Projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS). Taman yang dikelilingi oleh ladang kelapa sawit serta hutan tropika berlatar belakang banjaran Titiwangsa ini diuruskan oleh Plantation Resort Sdn.Bhd (PRSB). Uniknyanya, taman yang dulu dikenali sebagai Sungai Klah Hot Spring Park mempunyai lebih 100 mata air panas semula jadi yang kepanasannya mencecah 105 °C dan mengandungi kandungan sulfur paling rendah iaitu hanya kira-kira 0.005 sahaja (Fauziah, 2007).

Taman yang berkonsep suasana desa dan dinaungi pohon-pohon durian serta pelbagai tumbuhan herba itu pasti mengingatkan kita kepada kampung halaman. Tetamu yang berkunjung ke sana pasti terpegun dengan keindahan alam semula jadi akan terasa lebih segar sebaik mencecahkan kaki ke dalam kolam mandian bersumberkan mata air panas asli di tepi Banjaran Titiwangsa, 200 kaki tinggi dari paras laut. Antara kemudahan yang ada adalah *hot spring pool*, *therapeutic pool*, *hot water reflexology course* dan gazebo perkemahan. Ada juga *food court*, *camping site*, kedai cenderamata dan lain-lain.

Mulai tahun 2006, satu lagi tarikan iaitu Kolam Mata Air Gunung dengan keluasan kira-kira lima hektar telah dibangunkan berdekatan kawasan Kolam Air Panas dengan perbelanjaan sebanyak RM 6 juta. Aliran air gunung dengan suhu di antara 20 dan 22 darjah selsius berasal dua kilometer dari banjaran terhampir sebelum melalui proses penapisan bagi membuang benda asing. Kolam air gunung dengan kedalaman 1.3 meter yang menerima air gunung melalui celahan banjaran itu dipercayai antara yang paling sejuk di negara ini untuk tujuan rekreasi dan mandi-manda. Selain itu, keunikan replika sotong gergasi setinggi kira-kira 12 meter yang mengeluarkan air pancutan sejuk ini turut menarik perhatian pengunjung.

Bagi mereka yang berminat menikmati suasana malam di sini, ada disediakan vila dengan kadar sewa berpatutan. Terdapat lima vila lengkap dengan pelbagai kemudahan dan paling menarik di sudut belakang vila itu disediakan jakuzi untuk kemudahan pengunjung merasai kehangatan air panas semula jadi dengan lebih selesa. Selain itu, terdapat juga pelbagai pakej untuk aktiviti perkhemahan, menyusuri sungai, merentas hutan dan mengunjungi perkampungan Orang Asli di Kampung Tesong yang terletak berhampiran dengan TRAP ini.

ELEMEN PELANCONGAN LESTARI DALAM TRAP

Bahagian ini membincangkan hasil analisis perkaitan antara elemen pelancongan lestari yang diterapkan dalam pembangunan TRAP. Analisis ini adalah terlalu umum dan ini menyebabkan kajian lanjut sedang dilakukan bagi mengenalpasti secara terperinci jumlah dan sumbangan elemen pelancongan lestari dalam TRAP kepada persekitaran dan masyarakat peneroka dan penduduk setempat.

Antara elemen pembangunan pelancongan lestari yang dapat dirumuskan ialah:

- (1) Penggunaan elemen tempat atau sumberjaya kawasan - Analisis mendapati bahawa TRAP menggunakan elemen tempat dan sumberjaya kawasan secara maksimum iaitu penggunaan air panas dan air sejuk yang wujud di kawasan berhampiran. Hal ini penting untuk kelestarian ekonomi kerana keperluan kepada pelbagai produk dan tarikan pelancongan. Pembinaan aktiviti dan tarikan buatan manusia seperti objek sotong, jazuki, laluan terapi kaki dan sebagainya adalah untuk mempelbagaikan kemudahan kepada pengunjung.
- (2) Pengekalan kawasan alam sekitar yang asal iaitu pokok hutan berusia ratusan tahun dan ladang kelapa sawit adalah bertepatan dengan ciri pelancongan lestari iaitu bersinergi dengan alam sekitar, peka kepada persekitaran dan menghormati kewujudan entiti lain.
- (3) Perkampungan orang asli Kampung Tesong yang terletak berhampiran dikekalkan dan dijadikan sebagai pakej tambahan kepada pengunjung. Ini menunjukkan wujud etika, menghormati budaya dan cara hidup asal penduduk dikekalkan dan mantapkan bagi menjayakan lagi TRAP di samping melibatkan masyarakat setempat.
- (4) Kemasukan ke dalam taman ini adalah berbayar dan ini menunjukkan bahawa wujud kawalan dan etika penggunaan bagi memastikan produk pelancongan berkekalan dan dipantau untuk masa depan
- (5) Kemudahan dan kewujudan asal TRAP adalah melalui bantuan penduduk setempat. Analisis juga mendapati bahawa TRAP telah membawa sumbangan positif kepada aktiviti ekonomi persekitaran sama ada secara langsung atau tidak langsung. Antaranya ialah peluang pekerjaan yang mengambil penduduk setempat sebagai pekerja sama ada dari peringkat bawahan dan pengurusan. Selain dari kelihatan dan kewujudan gerai dan tempat jualan di sepanjang laluan utama, di jalan masuk dari pekan Sungkai yang dijangka membantu memberi pendapatan sampingan kepada penduduk setempat. Kajian oleh Fatimah et.al (2007) mendapati bahawa terdapat beberapa peneroka yang mempunyai kemahiran seperti mengurus telah dibenarkan membuka pusat urutan atau SPA dalam kawasan TRAP.
- (6) Terdapat peningkatan kepekaan generasi muda FELDA mengenai “sense of place” akibat kewujudan TRAP dan ini sekali gus meningkatkan sifat menyayangi tempat sendiri, peningkatan kepekaan perkara yang terjadi pada tempat dan semangat patriotisme kepada negara dan negara.

Dapatan dan perbincangan analisis ini menunjukkan bahawa empat tunjang pembangunan pelancongan lestari iaitu kelestarian ekonomi, kelestarian ekologi, kelestarian kebudayaan dan kelestarian komuniti memang wujud dan diterapkan dalam pembangunan TRAP. Begitu juga dengan beberapa prinsip yang perlu diterapkan dalam pembangunan pelancongan lestari seperti menyokong intergriti tempat, memelihara sumber semulajadi, menghormati tradisi dan budaya dan membantu penduduk setempat dalam aspek ekonomi ternyata direalisasikan dalam pembangunan TRAP ini.

CADANGAN DAN IMPLIKASI

Perbincangan di atas menunjukkan bahawa TRAP berupaya melaksanakan beberapa elemen dan prinsip pembangunan pelancongan lestari. Walau bagaimanapun, beberapa cadangan seperti di bawah adalah disarankan agar pembangunan pelancongan lestari dapat dijayakan dengan sebaik mungkin. Antara yang dicadangkan ialah:

- (1) Memfokuskan pembangunan pelancongan kepada keperluan pelancong yang pelbagai kategori dan kemampuan. Misalnya bayaran masuk yang dipelbagaikan misalnya harga istimewa untuk warga emas, orang kurang upaya dan kanak-kanak sekolah. Hal ini akan meningkatkan lagi keupayaan komuniti dari pelbagai kategori menikmati produk dan aktiviti yang disediakan.
- (2) Mewujudkan pakej pelancongan yang pelbagai agar ianya termasuk sebagai salah satu agenda lawatan dengan pelbagaian tawaran insentif sebagai tarikan. Pakej mungkin dapat mengintegrasikan pelbagai sumberjaya lain yang terdapat di kawasan FELDA Gugusan Trolak seperti mana yang disenaraikandalam Jadual 4 di atas.
- (3) Memperhebatkan aspek promosi tempat dan pemasaran tempat – Kajian mendapati amat kurang papan tanda di kawasan lebuh raya dan kawasan berdekatan. Begitu juga dengan penggunaan ICT (pembangunan laman web berkaitan) terutama untuk kategori pelancongan perladangan (Plantation Tourism) dan pelancongan kesihatan (Health Tourism).
- (4) Memerlukan beberapa penambahbaikan terutama jalan keluar masuk, pelebaran jalan, tempat letak kereta dan sebagainya. Namun penambahbaikan ini hendaklah disepadukan dengan keadaan tempat agar ianya mengindahkan dan bukan menjahanamkan persekitaran untuk mencantikkan kawasan.

Kesemua cadangan adalah bertujuan untuk menambahbaikkan atau menambah nilai kewujudan tarikan sedia ada. Namun ianya tidak terhad dan boleh berubah mengikut kehendak dan kerehas pelancong yang mungkin berumah mengikut tren semasa, perubahan citarasa dan perubahan kualiti hidup. Justeru itu, strategi pemasaran tempat pelancongan dan aktiviti penyelidikan dan pembangunan perlu sentiasa dilaksanakan bagi memaksimakan pembangunan pelancongan lestari bagi kawasan FELDA Gugusan Trolak ini.

KESIMPULAN

Pelancongan lestari yang menjurus kepada pembangunan yang dapat merangkumkan impak perspektif sosial, ekonomi dan alam sekitar agar bersepadu dan seimbang perlu dicerap dalam pembangunan sesuatu kawasan. Ianya amat penting untuk kesejahteraan hidup masyarakat semasa dan pada masa hadapan. Melalui pelbagai tunjang fokus, prinsip pelaksanaan dan juga ciri-ciri ukuran pelaksanaan maka wajarlah ianya dilaksanakan sebagaimana yang tertera dan menjadi wawasan untuk RMKe-9. Kawasan FELDA Gugusan Trolak yang memiliki beberapa produk pelancongan sedia ada seperti Taman Rekreasi Air Panas Sungai Klah dan bakal merealisasikan beberapa lagi produk pelancongan berasaskan sumberjaya yang dimiliki, didapati berupaya melaksanakan prinsip pembangunan pelancongan lestari. Walau bagaimanapun beberapa penambahbaikan seperti kemudahan infrastruktur, pembangunan pakej pelancongan, perhebatkan pemasaran dan promosi produk pelancongan adalah disarankan agar keuntungan yang diperolehi dapat ditingkatkan,diagihkan dan dinikmati bersama dengan komuniti setempat selain membantu meningkatkan taraf hidup peneroka FELDA, keluarga dan generasi peneroka pada masa depan.

RUJUKAN

Blowers A. (1993). Environmental Policy: The Quest for Sustainable Development, *Urban Studies*, Volume 30, Numbers 4-5, Numbers 4-5/May 1993 , pp. 775-796(22).

Dymond. S. J. (1997) Indicators of Sustainable Tourism in New Zealand: A Local Government Perspective. *Journal of Sustainable Tourism*, Vol.5. No.4

Fatimah Hassan & Morshidi Sirat (2003). Place Marketing Strategy in Ecotourism: Theoretical and Practical Perspectives, in *CD-Proceedings of IMT-GT International Conference on Ecotourism: Issues and Challenges*, 12 – 14 Oktober 2003, UUM.

Fatimah Hassan & Nurwati Badarulzaman (2005). Peranan Strategi Pemasaran Tempat Dalam Pembangunan Produk Pelancongan di Tanah Rancangan Felda: Satu Tinjauan, *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ke-2 Pusat Pengajian Sosial Pembangunan dan Persekitaran Keharmonian Hidup Imbangan Alam dan Pembangunan*, 5-6 September 2005, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Fatimah Hassan, Nurwati Badarulzaman, Main Rindam, Mohamed Zaini Omar and Wan Rozali Wan Hussin (2007). *Laporan Akhir Mengenai Felda Sebagai Agensi Pemasaran Tempat: Transformasi Pembangunan Menjelang 2020*. Research report prepared for Yayasan FELDA, Penang: Universiti Sains Malaysia.

Fauziah Che Leh (2007). Pelancongan Kesihatan di Taman Rekreasi Air Panas (TRAP) Sg. Klah Sungkai: Satu Kajian Awal. Kertas kerja dibentangkan di *Persidangan Kebangsaan Pembangunan Persekitaran, & Masyarakat 2007*, Penang 17-18 Januari.

Jamieson, W. & Noble, A. (2000). *A Manual for Sustainable Tourism Destination Management*. CUC-UEM Project, AIT. Retrieved 5 October 2006 from <http://www.ecoindia.com/sustainable-tourism.html>

Malaysia, (2006), *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010*. Kuala Lumpur, Jabatan Perdana Menteri.

McKercher, B. (2003). Sustainable tourism development – Guiding Principles for Planning and Management. Paper presented at the *National Seminar on Sustainable Tourism Development*, Bishkek, Kyrgystan, November 5 – 9, 2003. Retrieved 5 October 2006 from <http://www.devstud.org.uk/studygroups/tourism/resources/mckercher.pdf>